



Permohonan adalah dipelawa daripada warga negara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan memenuhi syarat-syarat pelantikan bagi mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

Bil. Iklan Pustaka/01/2013 (1)

1.	Skim Perkhidmatan	:	Juruteknik, J17 - Sivil (1 KEKOSONGAN – Kuching)
	Taraf Jawatan	:	Tetap - Jawatan Berasaskan Caruman
	Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
	Klasifikasi Perkhidmatan	:	Perkhidmatan Kejuruteraan
	Jadual Gaji	:	P1 RM 952.66 - RM 2,722.67 P2 RM 1,012.48 - RM 2,866.28 P3 RM 1,074.01 - RM 3,014.86

Syarat Lantikan:

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (b) Sijil dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji permulaan ialah pada Gred J17:P1T9);
- DAN
- (c) Lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Cara Memohon:

1. Permohonan hendaklah secara bertulis beserta dengan butir-butir peribadi (Curriculum Vitae) yang lengkap dengan memberi keterangan tentang kelayakan, pengalaman, salinan sijil-sijil berkaitan dan sekeping gambar berukuran passport ke alamat:

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PUSTAKA NEGERI SARAWAK
Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium
Petra Jaya, 93050 Kuching

2. Permohonan daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan dan hendaklah disertakan dengan salinan rekod perkhidmatan yang dikemaskini.
3. Setiap permohonan MESTILAH disertai dengan salinan sijil-sijil yang disahkan.
4. Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang maklumbalas/jawapan dalam tempoh 3-6 bulan dari tarikh iklan,permohonan dianggap tidak berjaya.
5. Hanya pemohon yang berjaya semasa temuduga sahaja akan dimaklumkan melalui surat tawaran manakala pemohon yang gagal tidak akan dimaklumkan melalui surat.
6. Sila nyatakan jawatan yang dipohon di penjuru atas sebelah kiri sampul surat.
7. Tarikh tutup iklan adalah pada :9 Februari 2013